

Menelaah konsep Living Hadis dan kaitannya dengan *Ihyā' al-Sunnah*: satu tinjauan literatur

[Revising the concept of Living Hadis and its relationship to *Ihyā' al-Sunnah*: a literature overview]

Lilly Suzana Shamsu^{1*} & Norsaleha Mohd Salleh²

¹ Faculty of Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), BE1310, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

² Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

* Correspondence Author: Dr. Lilly Suzana binti Haji Shamsu, Faculty of Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam, email: lilly.shamsu@unissa.edu.bn, ORCID iD: 0000-0003-3797-5568.

Keywords:

Living Hadis, Sciences of Hadith, Metodology, Understanding, Text.

ABSTRACT

*Living Hadis is a new terminology for the community in Brunei Darussalam, which initially brought into view on March 13-15, 2005 during a seminar organised by UIN Sunan Kalijaga title "Living the Qur'an as a Social-Cultural Phenomenon". Discussions on Living Hadis were greatly debated among the academicians after the seminar especially in UIN Sunan Kalijaga. Certainly, it has impacted on the scientific literatures that highlighted the concept of Living Hadis. It implies to a sign of worships in the society which in line with the pattern of behavior derived from the hadith of the Prophet Muhammad (pbuh). Whereby their interpretations of the religious practice are taken solely from the local's view. Due to this, an in-depth study on this concept in Brunei Darussalam is vital to be examined to understand their definition on Living Hadis. Moreover, this concept is similar to the preeminent term "*Ihyā' al-Sunnah*". This paper used literature review methodology by focusing on Living Hadis. Various literatures found in defining the term Living Hadis as it has gained interest in several distinguished journals in Indonesia. Apart from that, researchers will also assess the concept's conformity with the term "*Ihyā' al-Sunnah*" as this terminology has been adopted during the time of the companions and the followers. Most importantly, these findings hoped to provide enlightenment on the need to understand the religious text especially the hadith in the form of textual and also contextual. Finally, the identified texts can be revived in an "authentic" manner especially hadith related to the creed of Muslims.*

Kata Kunci:

Living Hadis, Ilmu Hadis, Metodologi, Pemahaman, Nas hadis.

ABSTRAK

*Istilah Living Hadis merupakan ungkapan baru khususnya bagi masyarakat Brunei. Istilah ini mula muncul dalam sebuah seminar di UIN Sunan Kalijaga yang mengangkat tema *Living Qur'an sebagai Fenomena Sosial-Budaya* dianjurkan pada 13-15 Mac 2005. Setelah itu ia mula menjadi perbincangan warga akademik*

hususnya di UIN Sunan Kalijaga dan secara langsung telah melahirkan karya-karya ilmiah yang mengangkat konsep *Living Hadis*. Dalam penulisan-penulisan ini mereka mengertikan konsep *Living Hadis* ini sebagai gejala yang membudaya dalam kalangan masyarakat yang berbentuk pola perilaku yang bersumber dari hadis Nabi Muhammad SAW. Ini bermakna tumpuan mereka adalah mengambil takwilan daripada masyarakat setempat semata terhadap amalan yang dianuti. Lantaran itu, kajian ini signifikan dijalankan bagi mengetahui definisi konsep yang dimaksudkan lebih-lebih lagi ia mirip dengan frasa masyhur iaitu *Ihyā' al-Sunnah*. Metodologi kajian dalam artikel ini menggunakan tinjauan kepustakaan dengan merujuk dan meneliti beberapa penulisan mengenai *Living Hadis* yang mula mekar dalam beberapa jurnal berwasit di Indonesia bagi mengenal pasti definisi yang diutarakan. Dalam pada itu, pengetahuan definisi yang ditemukan nanti akan dinilai kesesuaiannya dengan istilah *Ihyā' al-Sunnah* sebagai terminologi yang sudah diguna pakai pada zaman para sahabat dan tabiin. Seterusnya, dapatan kajian akan memberikan pencerahan mengenai keperluan untuk memahami nas agama khususnya nas hadis dalam bentuk pemahaman teks dan kontekstual. Lantas nas-nas berkenaan dapat dihidupkan secara “sahih” lebih-lebih lagi hadis berkaitan akidah.

Received: January 07, 2021

Accepted: May 30, 2021

Online Published: June 30, 2021

1. Pendahuluan

Living Hadis merupakan konsep yang semakin popular digunakan khususnya dalam penulisan-penulisan ilmiah di beberapa institusi pengajian tinggi Indonesia. Bahkan dalam program Ilmu Hadis di Fakultas Usuluddin dan Pemikiran Islam, Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Kalijaga, Yogyakarta *Living Hadis* dijadikan mata kuliah (kursus) wajib dan ditawarkan pada semester enam pengajian (seperti yang disebutkan dalam <http://ilmuhadis.uin-suka.ac.id/id/page/kurikulum>). Di samping itu, sebuah jurnal berwasit yang dinamakan *Jurnal Living Hadis* juga telah diterbitkan di UIN Sunan Kalijaga melalui Program Studi Hadis, Fakultas Usuluddin dan Pemikiran Islam. Jurnal dengan sistem terbuka (*Open Journal System*) ini terbit atas talian sebanyak dua kali setahun dan boleh diakses keseluruhan artikel secara percuma. Sehingga kini ia sudah mempunyai enam kali terbitan bermula tahun 2016 (<http://ejournal.uin-suka.ac.id/ushuluddin/Living/index>). Artikel-artikel yang diterbitkan tidak terbatas kepada kajian mengenai tradisi amalan masyarakat setempat yang dipercayai merujuk kepada hadis bahkan artikel berkenaan *‘ulum al-Ḥadīth* juga dimuatkan. Apa yang menarik perhatian dalam konsep baru yang dinamakan *Living Hadis* ini ialah tentang definisi dan bentuk metodologi yang digunakan dalam pengkajiannya. Dari segi definisi apakah ia sinonim dengan *“Ihyā' al-Sunnah”*; dan adakah disiplin ilmu hadis mendasari dan menjadi teras kepada pengkajian *Living Hadis* serta adakah para pengkaji yang menggunakan konsep ini memiliki kemahiran dan kepakaran dalam ilmu hadis itu sendiri. Perkara ini sangat kritikal memandangkan kajian *Living Hadis* ini mengangkat nama “hadis” dan berinteraksi dengan hadis-hadis Baginda SAW.

Daripada penulisan-penulisan yang mengungkap konsep *Living Hadis* ini secara kajian teori dan praktikal didapati mereka menyatakan bahawa *Living Hadis* itu dapat dimaknakan sebagai gejala yang membudaya dalam kalangan masyarakat yang berbentuk pola perilaku yang bersumber dari hadis Nabi Muhammad SAW (Suryadilaga, 2013). Lantaran itu, Qudsy (2016) menyimpulkan bahawa *Living Hadis* itu “fokus pada bagaimana pemahaman masyarakat terhadap matan dan sanad”. Beliau juga menyatakan bahawa kajian *Living Hadis* ini adalah kajian baru dan ulama serta tokoh Islam seperti al-Khaṭīb al-Baghdādī, al-Adlabī dan Yūsuf al-Qardāwī tidak membahaskan isu ini malah mereka hanya menyentuh bab *ma‘ān al-ḥadīth* atau *fahm al-ḥadīth*. Beliau menambah kajian *ma‘ān al-ḥadīth* atau *fahm al-ḥadīth* itu hanya tertumpu pada teks semata iaitu pada sanad dan matan. Selain itu, beliau menafikan kepentingan kategori atau status hadis dalam kajian *Living Hadis* menurutnya “...berbeda dalam kajian *Living Hadis*, sebuah praktik yang bersandar dari

hadis tidak lagi mempermasalahkan apakah ia berasal dari hadis sahih, hasan, daif yang penting ia hadis dan bukan hadis mauḍūʿ” (Saifuddin, 2016). Meskipun menurut Saifuddin (2016) belum ada kesepakatan dalam model metode dan analisisnya tetapi beliau menegaskan bahawa *Living Hadis* adalah sebuah model kajian bahkan salah satu cabang disiplin ilmu hadis. Ini bermakna kajian *Living Hadis* ini memfokuskan pada praktik yang terjadi dalam masyarakat yang diilhami daripada pemahaman mereka terhadap sanad dan matan hadis.

Mengamati konsep yang dikategorikan oleh para pelopor konsep ini, justeru sekali pun belum dikenali dalam kalangan masyarakat Brunei adalah signifikan untuk dibuat penelitian dan penyelidikan. Ini kerana hadis nabawi merupakan sumber perundangan dan panduan beragama menuju Ilahi justeru menjaga keaslian serta kemurniannya adalah kewajiban bersama lebih-lebih lagi di bahu komuniti kampus.

2. Kajian Pustaka

Di alam Melayu frasa *Living Hadis* dan *Living al-Quran* ini mula popular di Indonesia iaitu dalam kalangan para tenaga akademik di Program Ilmu al-Quran dan Tafsir & Program Ilmu Hadis, UIN Sunan Kalijaga. Ini dapat dilihat melalui penulisan mereka yang terbit dan kebanyakannya dalam *Jurnal Living Hadis*. Seterusnya frasa ini mula membudaya dengan lahirnya sebuah buku berjudul *Metodologi Penelitian Living al-Quran dan Hadis* oleh Syamsuddin pada tahun 2007. Buku ini adalah hasil tulisan beberapa tenaga akademik di UIN Sunan Kalijaga. Walau bagaimanapun, menurut Saifuddin istilah *Living Hadis* ini telah lebih awal digunakan oleh Metcalf (1993) melalui artikelnya berjudul *Living Hadis in the Tablighi Jamaat* yang terbit dalam *Journal of Asian Studies*. Metcalf (1993) meneroka gerakan Jemaah Tabligh dan mendeskripsi mereka sebagai sekumpulan Jemaah yang mengaplikasikan kefahaman makna hadis dalam kehidupan seharian. Selain itu, Metcalf (1993) turut menonjolkan pengamalan hadis yang diinterpretasi oleh Jemaah ini sebagai salah satu metode dalam mengkritik gaya hidup dan realiti masyarakat semasa.

Ali (2015) dalam artikelnya *Kajian Naskhah dan Kajian Living Qur'an dan Living Hadis* membahaskan mengenai kajian-kajian kontemporari tentang al-Quran dan Hadis khususnya di Barat. Dia berpendapat bahawa kajian naskhah al-Quran dan hadis tetap penting walau bagaimanapun harus dikembangkan dengan menggunakan kajian *Living al-Quran* dan *Living Hadis* yang sangat sedikit dilakukan pada masa ini. Beliau menyatakan “...penelitian dimensi praktikal dan kontekstual kitab suci al-Quran dan hadis Nabi belum mendapatkan tempat sebagaimana kajian naskhah dan tekstual...”. Seterusnya beliau menyebutkan tentang metode penelitian *Living al-Quran* dan *Living Hadis* yang mana pada dasarnya adalah sama dengan penelitian sosial keagamaan yang lain iaitu menggunakan fenomenologis, antropologis, psikologis, sosiologis, dan sebagainya.

Dalam *Jurnal Farabi*, Anwar (2015) menulis artikel mengetengahkan model-model *Living Hadis* secara lisan. Beliau mengambil beberapa contoh praktik hadis yang menjadi amalan masyarakat setempat seperti surah yang dibaca dalam solat Subuh di Hari Jumaat adalah surah al-Sajadah dan surah al-Insān. Amalan ini berpandukan kepada hadis sahih riwayat Muslim (t.th.) di mana Baginda SAW mengamalkannya.

Dalam artikel Mohd Salleh (2018) berjudul *Living Hadis Sebagai Fenomena Sosial Budaya Indonesia: Satu Sorotan Literatur Secara Sistematis*, beliau menghimpun penulisan-penulisan mengenai *Living Hadis* ini sama ada yang berbentuk perbincangan teori dan dasar atau yang berbentuk model-model *Living Hadis* dalam masyarakat di Indonesia. Menurut kajian beliau yang menggunakan sorotan literatur secara sistematik (SLR) terdapat sebanyak 21 buah artikel dalam jurnal dan buku telah diterbitkan sepanjang tahun 2010 hingga 2018. Kajian beliau mendapati *Living Hadis* adalah sunnah yang hidup dan metodologi kajian atau model-model *Living Hadis* adalah tradisi tulisan, tradisi lisan, dan tradisi praktik. Fokus kajian *Living Hadis* adalah pada bentuk kajian atas fenomena praktis, tradisi, ritual, perilaku masyarakat yang berlandaskan hadis Rasulullah SAW. Dapatan seterusnya menurut Mohd Salleh (2018) adalah *Living Hadis* merupakan lebih kepada amalan-amalan kemasyarakatan sesebuah kaum dan menjadi tradisi yang diamalkan dari dulu sehingga kini. Demikian itu, didapati beberapa penulisan tidak menyatakan sumber hadis yang mereka yakini sebagai sandaran kepada amalan masyarakat yang dibincangkan.

3. Skop dan Metodolgi Kajian

Metodologi kajian menggunakan tinjauan kepustakaan dengan merujuk dan melakukan analisis kepada dokumen dalam jurnal berwasit dan buku yang ditulis oleh para sarjana terutamanya di Indonesia. Kajian ini menyasarkan untuk mendapatkan jawapan mengenai definisi epistemologi konsep *Living Hadis* yang mereka guna pakai secara meluas sejak sedekad kebelakangan. Carian memfokuskan kepada *Living Hadis* yang berkaitan sama ada dalam tulisan yang membahaskan teori dan metodologi konsep ini mahu pun yang berkenaan fenomena amalan dalam masyarakat. Pada kelazimannya fenomena amalan berkenaan berhubung

langsung dengan aspek keagamaan dalam akidah, ibadah dan akhlak. Selain analisis kepada dokumen yang diterbitkan dalam *Jurnal Living Hadis* beberapa dokumen lain seperti yang disiarkan dalam laman sesawang dalam format PDF juga dikaji. Pada kelazimannya penulis-penulis berkenaan adalah warga akademik di UIN Sunan Kalijaga yang aktif dalam kajian *Living Hadis*. Walau bagaimanapun, kebelakangan ini beberapa artikel juga ditulis oleh penulis lain dari institusi akademik di Indonesia yang menunjukkan kajian ini sudah mula berkembang di negara berkenaan. Perkembangan ini diterjemahkan daripada artikel-artikel yang mengangkat judul *Living Hadis* dalam jurnal yang ditulis oleh warga akademik dari kawasan Sumatera (seperti penulisan dari IAIN Metro), Jawa Timur (UIN Maulana Malik Ibrahim), Jawa Barat (IAIN Sultan Maulana Hasanuddin), Jakarta (penulisan tesis Sarjana UIN Syarif Hidayatullah) sehinggalah ke kawasan Kalimantan (IAIN Pontianak).

4. Hasil Penelitian

Istilah *Living Hadis* adalah umpama *Ihyā' al-Sunnah* atau *Living Sunnah* (Salleh et al., 2019). Satu frasa yang sangat terkenal sebagai usaha berzaman para ulama dan tokoh Islam bermula era para sahabat, *tabi'in* dan era seterusnya dalam mempertahankan sunnah baginda SAW. Terdapat pula beberapa tulisan seperti kajian Farida (2013) mengenai Pemikiran Fazlur Rahman tentang Sunnah dan Hadis yang mengutip pendapat Fazlur Rahman mengenai makna Sunnah dan Hadis melalui tulisannya berjudul *Islamic and Islamic Methodology in History*. Di mana Fazlur Rahman memberikan makna berbeza kepada istilah Sunnah dan Hadis. Farida (2013) memetik dalam artikelnya berjudul *Studi Pemikiran Fazlur Rahman Tentang Sunnah dan Hadis* (Jurnal ADDIN):

“Rahman menyatakan adanya perbezaan yang jelas antara istilah sunnah dan hadis. Sunnah adalah teladan Nabi yang bersifat praktikal, sementara hadis adalah transmisi verbal (riwayat) dan laporan dari sunnah Nabi tersebut. Dalam erti kata yang lain, sunnah adalah tradisi praktikal dan hadis pula adalah tradisi verbal”.

Selanjutnya Saifuddin (2016) menyebutkan bahawa *Living Hadis* hanyalah satu terminologi yang muncul di era sekarang, namun secara kesejarahan ia telah wujud lama seperti tradisi Madinah dan menjadi *Living Sunnah*. Menurut beliau bahawa sunnah yang diverbalisasi telah menjadi *Living Hadis*. Ini bertepatan dengan pendapat Fazlur Rahman bahawa tradisi pada hari ini yang ada hanyalah tradisi verbal (hadis) sementara Sunnah yang hidup, sejauh ia masih ada sekarang ini, hanya dapat memperoleh kesahannya dari hadis (Farida, 2013). Lantaran itu, besar kemungkinan rata-rata penulisan mengenai *Living Hadis* yang ditemui di Indonesia merujuk bahawa istilah ini berasal daripada Fazlur Rahman. Ia jelas memberi dampak kepada penggunaan istilah ini yang bertembung dengan makna *Ihyā' al-Sunnah* dalam kitab-kitab sunnah primer. Di mana secara umum kitab-kitab rujukan primer dan semasa karangan para ulama tidak membezakan antara sunnah dan hadis sekali pun interaksi yang dimaksudkan adalah pada teks atau kontekstual sama ada ia adalah lisan, tulisan atau praktikal termasuklah respon masyarakat.

Oleh kerana sebahagian besar artikel yang dikaji memaknakan *Living Hadis* sebagai tindak balas masyarakat terhadap teks hadis tanpa mementingkan status hadis, maka dirasakan ada baiknya ia diberikan pencerahan. Ini kerana kajian *Living Hadis* masih sangat terbuka dan belum ada kesepakatan dalam model metode penelitiannya (Saifuddin, 2016). Lebih-lebih lagi segelintir tulisan yang menggunakan terma *Living Hadis* ini mempunyai pendekatan yang berbeza. Sebahagiannya ada yang masih mementingkan disiplin dalam keilmuan hadis meskipun kajian berpusat kepada gejala dalam masyarakat. Sebagai contoh dalam artikel studi *Living Hadis* mengenai bacaan qunut dalam solat Maghrib di Pondok Pesantren Wahid Hasyim Yogyakarta (Aini, 2016). Kelaziman bacaan qunut ini adalah bersandarkan hadis sahih riwayat Muslim (t.th.) dan al-Nasā'ī (1986).

عن البراء بن عازب: «أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقْنُتُ فِي الصُّبْحِ، وَالْمَغْرِبِ»

[Muslim, *Bāb Istihbāb al-Qunūt fī Jamī' al-Ṣalāt idhā Nazalat bi al-Muslimīn Nāzilah*, nombor hadis 305]

Maksudnya:

Daripada al-Barrā' ibn 'Āzib bahawa Rasulullah SAW berqunut pada solat Subuh dan Maghrib.

Ini bermakna pengamalannya di pondok ini mempunyai sandaran yang kukuh untuk beramal dengannya. Justeru, ia boleh dianggap sebagai *Living Hadis* yang sinonim dengan *Ihyā' al-Sunnah* kerana sekali pun tidak

menjadi suatu yang lazim dalam masyarakat majmuk, namun tetap ada hujahnya dalam riwayat hadis yang sahih. Ini sekali gus memberi gambaran bahawa pengamalannya memahami ilmu-ilmu dalam disiplin hadis. Dalam hal ini juga disimpulkan bahawa para pengamal beramal secara langsung dengan hadis yang telah diyakini kesahihannya. Tiada keperluan untuk melihat kepada respon melalui kearifan atau budaya tempatan.

Sebaliknya terdapat studi lainnya seperti *Living Hadis dalam Tradisi Sekar Makam* (Suryadilaga, 2013) yang secara mutlak hanya melihat tindakan masyarakat terhadap suatu amalan yang diyakini berasal dari hadis yang sahih. Tetapi dalam masa yang sama cara amalan tradisi tersebut dipraktikkan oleh masyarakat tidak seiring dengan kehendak Syarak. Kajian ini menyatakan amalan berziarah ke kubur merupakan galakan agama dan menyandarkannya kepada hadis sahih. Namun Suryadilaga (2013) menyatakan segelintir pengunjung yang datang ziarah makam berkenaan bertujuan untuk menjadikan permakaman berkenaan sebagai medan penyampai hajat mereka (bertabarruk) dan percaya ia memberi kejayaan kepada kehidupan mereka. Seolah-olah permakaman tersebut mempunyai kuasa dan mencetus budaya animisme.

5. *Ihyā' al-Sunnah* dan *Living Hadis*

Secara dasarnya dapat ditanggapi oleh penulis bahawa *Living Hadis* bertujuan untuk menghidupkan sunnah Rasulullah SAW yang mulia. Konsep *Living Hadis* merupakan satu fenomena kajian hadis yang baharu dengan kaedah serta metode yang juga baharu. Sebahagian kaedah dan metode yang diguna pakai dalam penulisan berbeza daripada apa yang lazim dipraktikkan oleh para ulama hadis dan pengkaji dalam bidang hadis. Oleh yang demikian, adalah perlu ditekankan apakah yang dimaksudkan dengan *Ihyā' al-Sunnah* (Living Tradition) itu. Istilah *Ihyā' al-Sunnah* sesungguhnya digunakan bagi menjelaskan dan menterjemah kesungguhan dan iltizam tinggi para ulama yang bermula daripada zaman para sahabat RA lagi dalam mempertahankan sunnah serta menghidupkannya. Ini termasuklah usaha pengumpulan hadis-hadis sahih, pengumpulan hadis-hadis palsu (*mawdū'*) demi mencegah pendustaan kepada Baginda Rasulullah SAW (al-Qāsimī, t.th.), studi profil sanad dan studi kritik pada matan. Semua usaha-usaha ini adalah demi menghidupkan sunnah Baginda SAW dan membanteras bidaah yang diada-adakan dalam agama sehingga menggugat kesucian agama Islam.

Dalam erti kata yang lain setiap usaha atau ikhtiar dalam mempertahankan, memelihara serta menyebarkan fahaman sunnah yang benar adalah termasuk sebagai *Ihyā' al-Sunnah*. Lantaran itu, usaha para orientalis terkemuka seperti Arent J. Wensick dan yang lainnya dalam menyediakan statistik dan indeks hadis serta penerbitan ensiklopedia hadis (seperti karya tersohor beliau *al-Mu'jam al-Mufahras li al-Fāz al-hadith al-Nabawī* terbit jilid pertama pada tahun 1936 di Leiden, Belanda) adalah sangat membantu umat Islam dalam melestarikan Sunnah. Šalih (1984) memberikan komentarnya bahawa adalah diakui yang usaha para orientalis ini memberikan impak positif dan banyak membantu penyelidik muslim. Ini memberi maksud bahawa kata kunci dalam terma *Ihyā' al-Sunnah* itu ialah menjaga kesucian sunnah termasuklah hadis yang sinonim kepada pengertian sunnah dalam kalangan para ulama. Justeru suatu yang bertentangan dengan sunnah itu sendiri tidaklah dimaksudkan menghidupkan sunnah. Suatu yang bertentangan di sini meliputi studi mengenai sanad seperti suatu sanad itu tidaklah boleh diambil daripada perawi yang tergolong daripada orang yang memalsukan hadis ('Itr, 1981). Seterusnya, penggunaan nas hadis dan fahaman kepada teks hadis termasuklah amalan sebagai tindak balas kepada fahaman terhadap hadis hendaklah mengikut apa yang telah digariskan oleh Syarak. Hal ini jelas telah diperingatkan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.th.) ketika menegaskan akan kepentingan kefahaman yang tepat mengenai hadis baginda SAW demi mengelak kesalahfahaman terhadap agama Allah yang menurut beliau salah faham ini telah melahirkan golongan yang membawa bidaah yang menyesatkan.

Kesimpulannya, *Living Hadis* seperti yang dinyatakan adalah sebagai gejala yang membudaya dalam kalangan masyarakat yang berbentuk pola perilaku yang bersumber dari hadis Nabi Muhammad SAW. Kaedah para pelopor kepada konsep *Living Hadis* adalah dengan mengambil takwilan daripada masyarakat tanpa mengira kualiti atau status sumber yang dikaitkan dengan amalan beragama. Mereka kebanyakannya menggunakan pendekatan sosiologi dan fenomenologi. Menurut Qudsy (2016) fenomenologi dalam *Living Hadis* adalah satu pendekatan bagi mengetahui dan sekali gus memahami inti pati fenomena yang terbit daripada amalan sesebuah masyarakat.

Sementara *Ihyā' al-Sunnah* adalah usaha para sahabat RA, tabiin, ulama kurun-kurun awal Islam sehinggalah tokoh Islam masa kini yang mengamalkan dan berusaha mempertahankan sunnah dengan berbagai cara. Sebahagiannya dengan menulis karya-karya hadis dengan mengumpul hadis-hadis mengikut kategori dan sebahagiannya lagi melaksanakan studi kritik sanad dan matan. Mereka juga menulis syarah kepada makna dan takwilan hadis bersumberkan hadis sendiri atau tafsiran para sahabat yang diriwayatkan bersambung sanad. Al-Baghawī (1983) yang wafat pada 516 Hijrah umpamanya menghimpun hadis-hadis yang dia yakin akan

kesahihannya dengan bersanad dan memberikan penerangan dan penjelasan hadis-hadis berkenaan dalam kitabnya *Sharh al-Sunnah*. Ada pun tujuan penghimpunan tersebut menurut beliau ialah sebagai meneladani jejak para salaf as-soleh dalam menegakkan agama dan menghidupkan sunnah. Semua ini sebagai usaha memahami hadis secara tekstual dan kontekstual. Adapun perbincangan dan khilaf pandangan yang terjadi pada kelazimannya adalah bagaimana untuk suatu nas hadis itu dapat diamalkan secara tepat. Justeru, para ulama akan melakukan ijtihad berhubung teks dan pemahaman tepat konteks hadis untuk diamalkan oleh masyarakat. Penulisan signifikan oleh ulama kontemporari berjudul *Kaifa Nata 'amal ma' al-Sunnah al-Nabawiyah* karya al-Qaradawī (2002) adalah antara usaha kritikal yang perlu dibaca oleh siapa sahaja yang ingin berinteraksi dengan hadis nabawi. Di dalamnya disampaikan kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip yang menjadi teras dalam memahami sunnah dan aplikasi serta kepentingannya dalam kehidupan.

6. Keperluan Garis Pandu dalam Konsep Living Hadis

Secara tuntas, penyelidik melihat perlu ada kriteria yang digariskan untuk menjadi panduan kepada konsep *Living Hadis* sekiranya ia dimaksudkan untuk menjadi sinonim kepada *Living Tradition* atau *Ihyā al-Sunnah*. Antara yang perlu dijaga dan dipelihara ialah suatu amalan yang berkembang dan meluas serta membudaya itu hendaklah bertapak pada landasan syarak. Tidak hanya asasnya di'katakan' dan dipercayai oleh masyarakat berasal daripada sunnah atau hadis sahih, namun praktik masyarakat sudah lari daripada prinsip asal. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab pengkaji yang menggunakan konsep *Living Hadis* untuk menilai kembali adakah suatu amalan itu benar-benar menepati fahaman kontekstual nas asal hadis yang sahih. Jika ia tidak bertepatan atau bercampur aduk antara yang hak dan batil sehingga menjadi suatu yang syubhah sama ada dari segi pendekatan atau tatacara amalan, justeru adalah perlu untuk disampaikan dalam dapatan kajian bahawa ia tidak lagi selaras dengan kehendak syarak. Bukan semata kajian atau penyelidikan yang melihat perspektif sejarah atau sosio-budaya dan mengesampingkan kaedah asas berinteraksi dengan hadis. Seandainya kajian hanya tertumpu pada sisi sejarah atau sudut pandang antropologi tanpa mengaitkan dengan keabsahan hubungan dengan hadis lantas penyelidik berpendapat ia tidak sesuai untuk disebut *Living Hadis*. Berbicara dan berinteraksi dengan apa jua atas nama hadis ia secara langsung mengaitkan perbincangan sumber perundangan dan rujukan teras dalam beragama. Justeru, adalah kurang sesuai untuk mengatakan suatu amalan atau budaya yang bertentangan dengan syarak sebagai fenomena yang 'menghidupkan hadis atau sunnah'.

Seperkara yang perlu diberi perhatian dalam menggunakan konsep *Living Hadis* ini, penyelidik mendapati para pengkaji hendaklah mempunyai pengetahuan serta kemahiran dalam berinteraksi dengan kitab-kitab asal atau sumber primer bidang hadis. Tidak sekadar mengetahui kaedah dan metodologi dalam mengkaji aspek sejarah dan budaya suatu amalan dalam masyarakat.

7. Perbincangan

Konsep *Living Hadis* tidak dinafikan merupakan perspektif penyelidikan baru yang menambah bentuk dan teknik kajian dalam dunia pengajian hadis atau sunnah. Memandangkan secara umumnya pengertian konsep *Living Hadis* itu seperti yang dinyatakan oleh Suryadilaga (2013) adalah fenomena yang berlaku dalam masyarakat di mana amalan yang sudah menjadi tradisi itu dipercayai berasal daripada hadis. Ini bermakna amalan berkenaan adalah berprinsipkan amalan Islam kerana hadis adalah sumber paling tinggi selepas al-Quran dalam agama Islam. Walaupun demikian apa yang menjadi fokus kajian *Living Hadis* hanyalah pada tindak balas masyarakat. Secara ringkasnya, tumpuan adalah menjurus kepada studi sejarah, sosio-budaya atau kearifan lokal terhadap amalan berkenaan, seperti mendapatkan pandangan dan persepsi masyarakat atau melakukan temu bual dengan tokoh masyarakat berkenaan tentang asal usul amalan yang dikaji yang mana dipercayai diilhamkan daripada teks hadis.

Walau bagaimanapun, setelah melakukan penelitian kepada kajian yang dihasilkan dalam artikel-artikel yang menyebutkan frasa *Living Hadis*, model-model yang dikaji mempunyai pelbagai dimensi pendekatan. Kebanyakan artikel yang membincangkan mengenai *Living Hadis* menggunakan terma "model *Living Hadis*" yang difahami merujuk kepada amalan atau praktik masyarakat (Suryadilaga, 2009). Metodologi yang digunakan tidak sepatutnya menggunakan tumpuan pertama pada persepsi atau praktik masyarakat. Sebahagiannya berpusat terlebih dahulu kepada nas atau teks hadis yang sahih dan seterusnya melihat sejauh mana kefahaman para responden terhadap hadis berkenaan. Dalam kajian sebegini, pastinya para pengkajinya menggunakan prinsip studi ilmu hadis seperti *Takhrīj al-Hadīth* dan *Sharh al-Hadīth* dengan menggunakan rujukan primer. Bahkan dalam Jurnal yang khusus dinamakan *Jurnal Living Hadis* lebih luas ruang kajiannya sehingga mencakupi semua bidang disiplin ilmu hadis. Berikut diperincikan penelitian kepada beberapa artikel mengikut fokus perbincangan dan pendekatan kajian mereka.

Jadual 1: Analisis artikel terpilih dalam kajian

Bil.	Pengkaji dan Tajuk Kajian	Fokus Perbincangan	Pendekatan Kajian
1.	Suryadilaga (2013), <i>Living Hadis dalam Tradisi Sekar Makam</i>	Penelitian kepada praktik tradisi ziarah kubur di Komplek Pemakaman Panembahan Raja-Raja Mataram, Kotagede. Amalan ini adalah merujuk hadis galakan baginda Nabi SAW untuk menziarahi kubur. Walau bagaimanapun, pengkaji mengakui fenomena yang muncul dalam kalangan masyarakat Yogyakarta dalam praktik mereka tidak seiring dengan kehendak Islam. Ini jelas apabila segelintir penziarah bukan setakat ingin menziarahi leluhur mereka bahkan tujuan mereka bercampur dengan tujuan-tujuan lain seperti meminta dan memohon hajat mereka di permakaman berkenaan. Para penziarah juga umumnya tidak mengetahui mengenai hadis yang menganjurkan untuk ziarah kubur. Jelasnya, tindakan mereka dalam menziarahi kubur adalah didasari kebiasaan atau tradisi Jawa yang mengatakan bahawa menziarahi kubur leluhur adalah suatu yang sangat penting dalam kehidupan mereka. Mereka juga masih terikat dengan tradisi tatacara klasik iaitu kaum wanita yang berkunjung hendaklah memakai kewan dan melepaskan tudung penutup aurat. Pengkaji menyimpulkan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan tradisi <i>Living Hadis</i> adalah pengaruh tradisi tempatan yang mengakibatkan percampuran antara budaya Jawa dan ajaran Islam.	Pengkaji menyatakan kajian <i>Living Hadis</i> termasuk dalam kategori sosial keagamaan. Menurut pengkaji dalam kajian ini pendekatan yang sesuai digunakan ialah pendekatan fenomenologi. Demikian itu, pengkaji jelasnya melihat kepada satu tradisi atau praktik masyarakat yang menonjol yang berkait dengan hadis. Dalam isu ini ia adalah hadis sahih mengenai anjuran ziarah kubur. Pengkaji melihat perkaitan antara praktik masyarakat dengan hadis ini menjadikan kajian ini adalah daripada <i>Living Hadis</i> . Pengkaji ingin mengetahui bagaimana fenomena praktik ziarah yang dilakukan oleh masyarakat dan kaitannya dengan ajaran yang dicontohkan oleh Nabi SAW. Justeru, pengkaji melakukan beberapa temu bual dengan para penziarah bagi mengetahui tujuan mereka berziarah.
2.	Ramadhan (2017), <i>Latihan Hadroh di Dusun Banyunganti Kidul (Studi Living Hadis: Teori Fungsional Thomas F. O'dea)</i>	Penelitian kepada kegiatan latihan hadrah dan berselawat (shalawatan) yang semakin popular diselenggarakan di setiap pekan sehingga boleh dianggap menjadi tradisi dalam masyarakat. Kegiatan keagamaan ini dikaitkan dengan hadis galakan untuk berselawat. Artikel dimulai dengan nas-nas yang menyatakan tentang suruhan dan galakan serta fadilat berselawat daripada ayat al-Quran dan hadis. Pengkaji menyimpulkan kegiatan yang berkebakikan dapat melestarikan penghayatan kepada hadis baginda Nabi SAW. Di samping mendidik generasi muda mencintai Rasulullah. Kegiatan ini secara langsung adalah manifestasi dalam usaha menghidupkan sunnah Rasulullah SAW.	Pengkaji menyatakan bahawa pendekatan yang digunakan ialah pendekatan fenomenologi dengan teori fungsional menjadi fokus dalam penelitian ini. Beliau menyimpulkan bahawa fenomena ini merupakan sebuah tradisi yang berkembang dalam masyarakat. Pengkaji juga melakukan temu bual dengan pengasas kepada kegiatan selawat dan latihan hadrah.
3.	Aini (2016), <i>Tradisi Qunut dalam Shalat Maghrib di Pondok Pesantren Wahid Hasyim Yogyakarta (Studi Living Hadis)</i>	Penelitian terhadap tradisi melakukan qunut pada waktu solat Maghrib selain solat Subuh di sebuah Pondok Pesantren Wahid Hasyim Yogyakarta yang diasaskan oleh KH. Abdullah Hadi Syafi'i. Pengkaji melihat bahawa sungguhpun amalan ini agak berbeza namun mempunyai hujah yang kukuh dan jitu daripada nas hadis yang sahih. Justeru menurut pengkaji tradisi sebegini adalah upaya untuk terus merasakan hadis masih hidup di tengah-tengah masyarakat hari ini. Dalam hal ini, masyarakat yang dimaksudkan adalah pelajar-pelajar di asrama an-Najah dan al-Hikmah.	Pengkaji menyatakan kajian beliau adalah termasuk kajian <i>Living Hadis</i> kerana di dalamnya membahaskan tentang praktik pelaksanaan qunut dan bukan bacaan yang dibaca dalam doa qunut. Pengkaji tidak menyatakan secara khusus metodologi yang digunakan. Walau bagaimanapun, pengkaji memulakan kajian dengan perbincangan mengenai hadis tentang qunut dan <i>sabab wurudnya</i> . Seterusnya membahaskan mengenai hukum dalam pelaksanaan qunut dan selanjutnya membincangkan mengenai kebiasaan qunut yang hanya dilaksanakan di dalam pesantren ini.
4.	Angelia dan Hasan (2017), <i>Merantau Menuntut Ilmu (Studi Living Hadis oleh Masyarakat)</i>	Penelitian terhadap kebiasaan masyarakat Minangkabau sejak memasuki Islam untuk pergi merantau jauh dari kampung halaman demi menuntut ilmu. Hal ini dilihat sebagai bentuk menghidupkan sunnah baginda Nabi SAW dalam	Pengkaji menerangkan metode kajian beliau adalah metode kepustakaan. Beliau mengkaji semua data-data yang diterbitkan dalam bentuk buku, majalah, surat khabar, jurnal atau pun melalui

-
- | | | |
|---|--|---|
| Minangkabau) | <p>menuntut ilmu. Pengkaji menyebutkan beberapa nas hadis yang menjadi sandaran kepada kepentingan menuntut ilmu. Di samping kelaziman para sahabat RA yang sanggup melakukan perjalanan jauh menuju tempat baginda Rasulullah SAW demi menimba ilmu langsung dari baginda. Seterusnya, para tabiin dan tabi tabiin pun mengikut langkah yang sama dengan para sahabat. Justeru, pengkaji menjelaskan bahawa <i>Living Hadis</i> merupakan perbincangan yang bermula dari kejadian atau tradisi yang ada pada masyarakat, lalu dilihat dari segi hadis, apakah ia sesuai dengan apa yang disyariatkan atau sebaliknya.</p> | <p>internet. Adapun analisis data digunakan metode induktif untuk melihat objek-objek <i>Living Hadis</i> dari teksnya yang asli kemudian dilihat perkembangannya dalam masyarakat. Adapun dari segi pendekatan pengkaji menyatakan beliau menggunakan pendekatan sosio-historis.</p> |
| 5. Iballa (2016), <i>Tradisi Mandi Balimau di Masyarakat Kuntu: Living Hadis sebagai Bukti Sejarah</i> | <p>Penelitian terhadap tradisi mandi balimau iaitu mandi menggunakan limau sempena menyambut bulan Ramadan. Tradisi ini dipercayai bersandarkan sebuah hadis:</p> <p style="text-align: center;">«مَنْ فَرِحَ بِدُخُولِ رَمَضَانَ حَرَّمَ اللَّهُ حَسَدَهُ عَلَى النَّبَرَانِ»</p> <p>Hadis ini diriwayatkan oleh Khubawi dalam kitab <i>Durratun Nāsihīn</i>. Pengkaji juga mengakui hadis ini daif dan tidak terdapat dalam mana-mana sumber kitab hadis yang asli. Pengkaji menyatakan dalam kesimpulan artikelnya:</p> <p>“Tradisi Mandi Balimau merupakan dakwah Islam sebagaimana ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad. Kedua, tradisi Mandi Balimau merupakan bentuk rasa syukur menyambut bulan Ramadhan yang dasarnya adalah salah satu riwayat yang ada di dalam kitab <i>Durratun Nasihin</i> yang diyakini bersumber dari Nabi (hadis)”.</p> | <p>Penelitian lapangan dan penelitian kepustakaan. Analisis data menggunakan induktif. Walau bagaimanapun, tidak ditemui perbincangan mengenai sumber asal sandaran hadis.</p> |
| 6. Rafi (2019), <i>Living Hadis Tradisi Sedekah Nasi Bungkus Hari Jum'at oleh Komunitas Sijum Amuntai</i> | <p>Penelitian terhadap tradisi sedekah nasi bungkus hari Jumaat yang dijalankan oleh masyarakat Sijum Amuntai. Komuniti ini didirikan sejak bulan Mac 2017. Sasaran utama kumpulan ini ialah mereka yang memerlukan bantuan seperti anak yatim dan mereka yang bekerja di jalanan seperti tukang beca, buruh dan petugas kebersihan. Anggota yang berperanan aktif dalam melaksanakan aktiviti ini ialah golongan mahasiswa. Aktiviti sedekah nasi bungkus ini didasari oleh rasa kepatuhan para ahlinya terhadap perintah Allah SWT dan Rasulullah, di samping merupakan tindakan kemanusiaan bagi membantu mereka yang memerlukan. Program ini juga mampu menjadi tonggak dalam mengukuhkan jalinan ukhuwwah dalam masyarakat setempat. Pengkaji mengaitkan tradisi ini dengan hadis galakan untuk bersedekah secara umum. Sementara itu, pengkaji juga menyebutkan hadis berkaitan pemilihan hari Jumaat adalah selaras dengan sebuah hadis riwayat al-Bukhārī (2002) yang menyatakan ada seorang wanita tua menyediakan hidangan sebagai juadah kepada para jemaah setiap kali mereka selesai menunaikan solat Jumaat.</p> | <p>Pendekatan yang digunakan oleh pengkaji ialah pendekatan fenomenologi dengan teori fungsional. Sementara itu, bagi mengetahui implementasi pemahaman tersebut pengkaji menggunakan metode kualitatif dengan teknik temubual dan kajian kepustakaan.</p> |
-

Daripada enam buah artikel yang disebutkan di atas dapat dilihat dengan jelas bahawa tiga daripadanya iaitu artikel kedua, ketiga dan keempat mempunyai kesamaan pada metode penulisan. Meskipun semuanya bertitik tolak daripada tradisi yang dilihat menjadi fenomena dalam masyarakat, namun kesemua artikel dimulakan dengan nas hadis yang berkaitan berserta sumber rujukan daripada kitab-kitab hadis muktabar.

Senario ini menunjukkan para pengkaji mempunyai latar belakang dalam pengajian hadis. Mereka nampak begitu berhati-hati untuk mengaitkan tradisi dan saranan atau galakan yang terdapat dalam hadis dengan amalan yang membudaya. Justeru, meski pun tradisi berkenaan hanya dilakukan sebilangan masyarakat tertentu seperti bacaan qunut pada solat Maghrib, namun pengkaji bijak membahasnya dengan membawa beberapa nas

yang menyokongnya. Ini membuktikan artikel ditulis dengan berpandukan pengetahuan disiplin ilmu syariah di samping menggunakan berbagai pendekatan lain dalam meninjau tradisi masyarakat. Perkara ini sangat signifikan agar penelitian membawa kepada jawapan bahawa tradisi yang dihidupkan oleh masyarakat adalah seiring kehendak sunnah itu sendiri agar ia boleh dinamakan *Living Hadis* yang disinonimkan dengan *Ihyā' al-Sunnah*.

Adapun artikel pertama seperti yang dibahaskan sebelum ini menonjolkan sisi tradisi adat tempatan dengan cuba mengaitkannya dengan hadis sahih yang menggalakkan umat Islam untuk menziarahi kubur. Tradisi yang mekar dalam amalan ziarah permakaman dalam penelitian artikel berkenaan didapati tidak semuanya berpandukan syarak. Di mana penziarah makam mencampuradukkan tujuan ziarah antara hanya berziarah dan menjadikan tempat berkenaan untuk berdoa dan menyampaikan hajat mereka. Di samping itu, tatacara ziarah dengan para wanita membuka aurat juga tidak senada dengan ajaran Islam apabila para penziarah dikehendaki memakai pakaian Jawa sebagai etika yang mesti dihormati untuk memasuki kompleks permakaman. Dalam etika atau tatacara ini kaum perempuan dikehendaki memakai kemben atau disebut *kemben* dalam bahasa Jawa sehingga perempuan yang memakai tudung (menutup aurat) apabila memasuki perkarangan makam akan melepaskan tudungnya dan memakai kemben yang jelas membuka bahagian dada. Hasil penelitian menunjukkan bahawa budaya membuka aurat perempuan seperti yang ditetapkan bukan daripada ajaran Islam. Dalam hal ini penyelidik mengirakan ia tidak memberikan sumbangan kepada *Ihyā' al-Sunnah* bahkan ditakuti menghidupkan bid'ah iaitu suatu yang diada-adakan dalam agama. Bid'ah sangat bertentangan dengan sunnah bahkan tujuan untuk menghidupkan sunnah adalah demi membendung berlakunya bid'ah. Justeru, frasa *Living Hadis* kurang sesuai untuk digunakan secara umum dalam fenomena masyarakat tersebut.

Sementara artikel kelima sangat jauh dari apa yang disebut untuk mendukung *Ihyā' al-Sunnah* atau *Living Hadis*. Ini kerana prinsip utama dalam berinteraksi dengan hadis nabawi sudah gagal dicapai piawainya oleh pengkaji; iaitu hadis yang digunakan sebagai paksi sandaran adalah dimestikan berstatus sahih atau sekurang-kurangnya *da'if* yang tidak terlalu kuat (*da'if* yang mempunyai asal). Hadis yang digunakan dalam artikel ini iaitu hadis berkenaan anjuran untuk berasa gembira dengan kedatangan bulan Ramadan adalah hadis palsu (*mawḍū'*) dan tiada asalnya (kajian mengenai kepalsuannya sudah banyak dilakukan antaranya oleh Fathullah (2004) dalam tesis PhD beliau yang mengkaji hadis-hadis dalam kitab *Durratun Naṣiḥīn*. Sebahagian kajian dalam tesis ini telah terbit pada tahun 2004). Pengkaji juga secara terang menyebutkan bahawa hadis yang diriwayatkan oleh Khubāwī ini diriwayatkan tanpa sanad yang jelas. Pengkaji hanya bersandarkan akan kemasyhuran hadis untuk menjadikannya 'harus' dipakai dan 'boleh' dijadikan rujukan dalam mengamalkan tradisi *Mandi Balimau* dan sekali gus mengaitkannya dengan Islam. Apa yang dapat disimpulkan dalam kajian artikel kelima ini pengkaji hanya menumpukan kajian kepada fenomena masyarakat akan tetapi tidak mengkaji keaslian sumber hadis. Pegangan pengkaji terhadap keilmuan hadis nampak sangat rapuh bilamana hanya sekadar berpegang kepada hadis yang didengar masyhur tanpa menyelidik statusnya terlebih dahulu. Bahkan sewajarnya bagi pengkaji yang ingin menggunakan frasa *Living Hadis* perlu mengkaji terlebih dahulu adakah tradisi masyarakat yang ingin dikaitkan dengan hadis itu mempunyai sumber yang benar-benar autentik daripada hadis Baginda SAW. Pengkaji yang ingin menggunakan frasa *Living Hadis* perlu lebih sensitif dan beretika membawa kata "Hadis" sesuai dengan perjuangan getir ulama silam dalam mempertahankan dan menghidupkan sunnah Baginda SAW yang agung ini.

Bagi artikel keenam pula, didapati tradisi bersedekah nasi bungkus pada hari Jumaat adalah selari dengan saranan Syarak. Banyak ayat-ayat al-Quran dan juga hadis nabawi secara umum menyebutkan mengenai galakan bersedekah tanpa dinyatakan bentuk sedekah; antaranya daripada surah al-Baqarah [2] ayat 174, Āli 'Imrān [3] ayat 68 dan hadis riwayat al-Bukhārī (2002) daripada Addiy ibn Hatim, Rasulullah SAW bersabda yang mafhumnya:

Berlindunglah dari api neraka walaupun hanya dengan (bersedekah) separuh kurma.

[al-Bukhārī, *Bāb Ittaqū al-nār walaw bi shaqqi Tamrah*, nombor hadis 1417]

Walau bagaimanapun, perkaitan antara galakan bersedekah dengan bersedekah nasi bungkus ini adalah dalam bentuk umum. Tidak seperti kajian pembacaan qunut dalam solat Maghrib yang disandarkan pada nas yang khusus mengenai amalan tersebut.

Daripada penelitian enam buah artikel di atas yang mengungkap model-model *Living Hadis* dapat dilihat metode yang digunakan adalah pelbagai dan tidak mempunyai kesepakatan. Masing-masing pengkaji mempunyai persepsi secara individu dalam menterjemah metodologi kajian *Living Hadis*. Ada yang secara langsung menumpukan kajian kepada fenomena unik dalam masyarakat yang 'dipercayai' ada input keislaman

dan mencari jalan mempertemukannya dengan nas hadis. Ada pula yang sememangnya memegang etika pengkajian hadis dengan menitikberatkan prinsip keilmuan hadis di samping mengambil pendekatan kesejarahan (historis) misalnya atau sosiologi dalam kajiannya. Dalam pada itu, didapati beberapa kajian dalam apa yang dikategorikan sebagai *Living Hadis* ini merupakan amalan yang mengikut saranan hadis secara langsung seperti artikel tulisan Kurniawan (2019) yang menyatakan bahawa dalam tradisi masyarakat Melayu Sambas kanak-kanak dilarang bermain waktu Maghrib. Dalam hal ini Kurniawan (2019) menyandarkan amalan ini kepada hadis sahih riwayat al-Bukhārī (2002) yang mafhumnya:

“Apabila kegelapan malam menjelma atau apabila sudah lewat petang, maka tahanlah anak-anak kamu. Ini kerana, pada waktu itu syaitan berkeliaran. Apabila telah berlalu beberapa ketika daripada malam, biarkanlah mereka dan tutuplah pintu-pintu serta sebutlah nama Allah kerana syaitan tidak akan membuka pintu yang tertutup”.

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bāb Taghīyyat al-Inā, nombor hadis 5623]

Apa yang penting ditonjolkan dalam pengkajian yang berhubung dengan usaha menghidupkan sunnah dengan apa nama sekali pun ialah metodologi dasar dalam berinteraksi dengan sunnah atau hadis tidak boleh diketepikan. Meskipun kajian bermaksud untuk meneliti kesan sejarah atau mengetahui fenomena tradisi dalam masyarakat.

8. Kesimpulan

Frasa *Living Hadis* ini diakui menarik dan jelas memiliki pembaharuan sesuai dengan maksud yang ingin disampaikan dalam maknanya yang ingin melihat pengembangan dalam kajian hadis. Kajian-kajian yang telah dijalankan juga dilihat berusaha untuk menzahirkan nilai-nilai agama Islam dalam masyarakat, dan tidak sekadar hanya untuk melihat kearifan runtutan sejarah bangsa atau negara. Walaupun demikian untuk memformulasikan suatu terminologi yang bersesuaian perlu diperjelaskan metodologi pengkajian. Metodologi paling utama ialah untuk memastikan nas yang digunakan adalah pada status hadis *maqbul* (diterima). Seterusnya, menilai terlebih dahulu keunikan adat tempatan dalam neraca syarak sebelum melabelkannya sebagai *Living Hadis*. Justeru, termasuklah menyeragamkan kaedah dan pengetahuan disiplin hadis seperti memahami studi sanad dan matan hadis dengan pendekatan sains sosial lain agar falsafah untuk menghidupkan sunnah atau *Ihyā’ al-Sunnah* tidak terabaikan. Ini kerana esen atau pati sebenar dalam *Living Hadis* yang ingin dipelihara dan dikembangkan ialah menjadikan hadis baginda Rasulullah SAW itu hidup dan akan sentiasa hidup. Suatu usaha terpuji seperti mana usaha para tokoh dan sarjana Islam terdahulu.

Penghargaan

Kajian ini adalah daripada Geran Penyelidikan UNISSA dengan rujukan: UNISSA/PPP/P/1, bertarikh 31 Oktober 2019 yang bertajuk “Penggunaan Konsep Living Hadis dalam kalangan Masyarakat di Malaysia dan Brunei Darussalam”. Kajian adalah merupakan penyelidikan berkolaborasi dengan Kolej Universiti Islam Selangor. Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak UNISSA atas tajaan penyelidikan ini.

Rujukan

- Aini, S. Q. (2016). Tradisi Qunut dalam Shalat Maghrib di Pondok Pesantren Wahid Hasyim Yogyakarta (Studi Living Hadis). *Jurnal Living Hadis*, 1(2), 227-241. <https://doi.org/10.14421/livinghadis.2016.1120>.
- Ali, M. (2015). Kajian naskah dan kajian living Qur’an dan living hadith. *Journal of Qur’an And Hadith Studies*, 4(2), 147-167. <https://doi.org/10.15408/quhas.v4i2.2391>.
- Angelia, Y. & Hasan, I. (2017). Merantau dalam menuntut ilmu (studi Living Hadis oleh masyarakat Minangkabau). *Jurnal Living Hadis*, 2(1), 67-82. <https://doi.org/10.14421/livinghadis.2017.1316>.
- Anwar, M. K. (2015). Living Hadis. *Farabi*, 12(1), 72-86. Retrieved from <http://www.journal.iaingorontalo.ac.id/index.php/fa/article/view/790>.
- al-Baghāwī, H. M. (1983). *Sharḥ al-Sunnah*. (S. al-Arna’ut (Ed.). Beirut: al-Maktab al-Islāmī.
- al-Bukhārī, M. I. (t.th.). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. t.tp.: Dar Tūq al-Najāh.
- Farida, U. (2013). Studi pemikiran Fazlur Rahman tentang sunnah dan hadis. *ADDIN*, (7)2, 223-248. Retrieved from <https://media.neliti.com/media/publications/53286-ID-studi-pemikiran-fazlur-rahman-tentang-su.pdf>.

- Fathullah, A. (2004). *Hadits-hadits lemah dan palsu dalam kitab Durratun Nasihin*. Jakarta: Darus Sunnah Press.
- Iballa, D. K. M. (2016). Tradisi Mandi Balimau di Masyarakat Kuntu: Living Hadis sebagai bukti sejarah. *Jurnal Living Hadis*, 1(2), 275-293. <https://doi.org/10.14421/livinghadis.2016.1122>.
- Metcalf, B. D. (1993). Living Hadīth in the Tablighī Jama'āt. *The Journal of Asian Studies*, 52(3), 584-608. <https://doi.org/10.2307/2058855>.
- Mohd Salleh, N. (2018). *Living Hadis sebagai fenomena sosial budaya Indonesia: satu sorotan literatur secara sistematis*. 5th International Research Management & Innovation Conference. Putrajaya. 7 Ogos 2018.
- Muslim, H. (t.th.). *Sahīh Muslim*. Beirut: Dār Ihyā at-Turāth al-‘Arabī.
- al-Nasā’ī, A. S. (1986). *Sunan al-Nasā’ī*. Ḥalab: Maktabat al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyah.
- al-Qaraḍāwī, Y. (2002). *Kaifa nata ‘āmal ma ‘a al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Kaherah: Dār al-Shurūq.
- al-Qāsimī, M. (t.th.). *Qawā‘id al-taḥdīth min funūn Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Qudsy, S. Z. (2016). Living Hadis: genealogi, teori, dan aplikasi. *Jurnal Living Hadis*, 1(1), 177-196. <https://doi.org/10.14421/livinghadis.2016.1073>.
- Rafi, M. (2019). Living Hadis: studi atas tradisi sedekah nasi bungkus hari Jumat oleh komunitas Sijum Amuntai. *Jurnal Living Hadis*, 4(1), 133-158. <https://doi.org/10.14421/livinghadis.2019.1647>.
- Ramadhan, R. B. (2017). Latihan Hadroh di Dusun Banyunganti Kidul (Studi Living Hadis: teori fungsional Thomas F. O’dea). *Jurnal Living Hadis*, 2(1), 49-66. <https://doi.org/10.14421/livinghadis.2017.1304>.
- Sālih, Ṣ. (1984). *‘Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Malāyin.
- Salleh, N. M., Shamsu, L. S. H., Wazir, R., Usman, A. H., Abdullah, M. F. R., Ismail, A. Z., & Burhanuddin, N. A. (2019). Penyalahgunaan Living Hadis dalam kalangan kelompok liberal: satu sorotan literatur secara sistematis. *HADIS*, 9(17), 65-78. <http://hadis.kuis.edu.my/index.php/inhad/article/view/57>.
- Suryadilaga, M. (2009). Model-model Living Hadis Pondok Pesantren Krapyak Yogyakarta. *Al-Qalam*, 1(26), 368.
- Suryadilaga, M. (2013). Living Hadis dalam tradisi Sekar Makam. *Al-Risalah*, 13(1), 163-172.
- Syamsuddin, M. (2007). *Metodologi penelitian Living Qur’an dan Hadis: teori dan praktek*. Yogyakarta: TH Press dan Teras.